

TARIKH	18 / 7 / 2016	SEKSYEN	INTERAKTIF
MUKA SURAT	35	RUANGAN	

## Perketat kawalan elak penganas ancam keselamatan jemaah haji

Serangan demi serangan dilakukan kumpulan militan al-Dawla al-Islamiya Fi Iraq Wa al-Sham (DAISH).

Tragedi serangan maut terhadap berpuluhan mangsa di Lapangan Terbang Ataturk, Istanbul, Turki, diikuti peristiwa tebusan di Dhaka, Bangladesh; serangan bom di Baghdad, Iraq dan siri serangan di beberapa bandar di Arab Saudi, termasuk berhampiran Masjid Nabawi menunjukkan apa dilakukan kumpulan militan itu terutama menjadikan penduduk awam sebagai sasaran utama mereka dalam memperjuangkan ideologi songsang mereka.

Malaysia turut menjadi sasaran apabila polis mengesahkan kejadian serangan bom di sebuah kafe di Puchong, pada penghujung Jun lalu adalah perbuatan DAISH.

Kejadian serangan yang menyerang masyarakat awam itu membimbangkan ramai pihak terutama mereka yang akan menunaikan haji tahun ini.

Serangan penganas yang berlaku di beberapa bandar di Arab Saudi jelas membuktikan bahawa keselamatan di negara terbabit berada pada tahap tidak memuaskan.

### Gesa campur tangan OIC

Kerajaan Malaysia serta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu mengadakan perbincangan dengan kadar segera bagi mencari jalan supaya keselamatan jemaah haji terjamin.

Amat sukar bagi pihak berkuala Arab Saudi memastikan aspek keselamatan jemaah kerana bilangan mereka yang besar. Sampai masanya Kerajaan Arab Saudi serta negara Islam mewujudkan sebuah anggota keselamatan secara bersama supaya mereka dapat berganding bahu bagi menjamin keselamatan jemaah.

Ia bukan sahaja bagi menjamin aspek keselamatan jemaah haji dari ancaman penganas malah memastikan aspek keselamatan je-

maah haji dari sebarang ancaman keselamatan atau kesihatan.

Kawalan keselamatan yang lebih ketat perlu dibuat di semua pintu masuk ke negara terbabit pada musim haji ini.

Semua negara yang akan menghantar jemaah haji perlu memberi kerjasama erat, terutama dari aspek risikan keselamatan bagi memastikan tiada penganas yang berjaya masuk ke negara terbabit untuk melakukan keganasan.

Pantauan media sosial juga perlu dibuat sepanjang masa bagi mengetahui sebarang perkara mengejutkan yang boleh menjurus kepada kejadian keganasan.

Jemaah haji juga perlu diberi pendedahan mengenai isu keganasan yang berlaku di negara terbabit.

 Dr Muzaffar Syah Mallow  
Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)